

# Tujuh RUU dibentang di Parlimen

Pinda hukuman mati mandatori dijangka tarik minat perbahasan ahli dewan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sekurang-kurangnya tujuh rang undang-undang (RUU) baharu dan satu Kerjasama Putih akan dibentangkan pada

Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua Parlimen ke-14, yang bermula Isnin ini.

Pembentangan Belanjawan 2020 oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng akan diadakan pada 11 Oktober pada jam 4 petang diikuti perbahasan pada peringkat dasar pada minggu kedua, ketiga dan keempat.

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme Hamzah dilaporkan berkata, perbahasan Belanjawan 2020 akan dibawa ke peringkat jawatankuasa pada minggu kelima hingga kelapan.

Dalam pada itu, sumber berkata, RUU Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 dijangka dibentangkan un-

tuk bacaan kali kedua pada persidangan kali ini.

IPCMC dibentang buat kali pertama di Dewan Rakyat pada 18 Julai lalu oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Liew Vui Keong.

Penubuhan IPCMC bertujuan menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) ke arah meningkatkan integriti dan keupayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Rang undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 juga dijangka dibentangkan pada sesi ini.

Dua RUU baharu iaitu berkaitan derma politik dan penubuhan ombudsman juga dijangka diben-

tangkan pada persidangan kali ini.

Turut menjadi tumpuan ialah Rang undang-undang bagi meminda hukuman mati mandatori yang dijangka dibentang yang pastinya menarik minat perbahasan Ahli Parlimen.

Selain itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga dijangka membentangkan rang undang-undang berkaitan perlington kepada penderita ma bank makanan.

Kementerian Sumber Manusia pula bercadang memasukkan peruntukan baharu undang-undang mengenai buruh paksa ke dalam Akta Kerja 1955.

Peruntukan undang-undang itu adalah baharu di Malaysia dan ia berbeza dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Manusia Migran (ATIP-SOM) 2007.

Pada sesi ini juga Kementerian Pertahanan dijangka membentangkan Kertas Putih Pertahanan yang menggariskan pelan pembangunan keupayaan terkini Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Sidang Parlimen Ke-14 akan berlangsung selama 36 hari. Dewan Negara pula akan bersidang selama lapan hari bermula 9 Disember hingga 19 Disember depan.